

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 22.11.2024 MASA: 04.00PM

**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN BULAN INTEGRITI DAN IKRAR  
BEBAS RASUAH  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
TAHUN 2024**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
26 NOVEMBER 2024 (SELASA)  
2.00 PETANG

**AUDITORIUM  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis  
En Bernard Cheen Goon Hoi  
En Zainuddin Bin Mohamed  
Datuk Mohd Noor Bin Ahmad  
En Muhamad Suzuki Bin Ahmad  
Whip Ahli Majlis  
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis  
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor  
Setiausaha Bandaraya**

**Yang Berusaha Encik Mohd Hairol Bin Man**  
Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Selaku Sambutan Bulan  
Integriti Dan Ikrar Bebas Rasuah MBSP Tahun 2024

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan  
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

---

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada petang ini dalam **Sambutan Bulan Integriti Dan Ikrar Bebas Rasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2024** di Auditorium, Menara Bandaraya.
2. Saya mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Yang Berusaha Puan Elmariah Chung, Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Pulau Pinang; Tuan PsK Roseli bin Roszaini, Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai serta para hadirin sekalian yang sudi meluangkan masa untuk hadir dan bersama-sama memeriahkan suasana bagi menjayakan program pada petang yang penuh bermakna ini.
3. Syabas dan tahniah saya ucapan kepada Jawatankuasa Penganjur Program, iaitu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) di atas komitmen yang jitu dan padu dalam kejayaan menganjurkan program ini.

4. Sambutan Bulan Integriti Nasional disambut pada 5 November setiap tahun, sejak tahun 2005 lagi. Tema Sambutan Bulan Integriti Nasional pada tahun 2024 adalah “Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi” yang menjadi lambang tekad untuk kita terus memperkuatkan asas integriti demi kemajuan dan kestabilan negara. Tema ini mencerminkan komitmen bersama dalam membentuk Malaysia yang telus dan bebas daripada gejala rasuah.
5. Objektif Sambutan Bulan Integriti dan Ikrar Bebas Rasuah Peringkat MBSP Tahun 2024 ini adalah untuk menyemarakkan dan membudayakan integriti dalam kalangan warga MBSP melalui tekad bahawa perjuangan memerangi rasuah perlu dilaksanakan secara bersama dan berterusan serta membudayakan integriti dengan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pegawai dan kakitangan MBSP.
6. Sambutan Bulan Integriti Peringkat MBSP yang berlangsung sepanjang bulan November ini menunjukkan komitmen dan aspirasi MBSP dalam menerap dan memperkasakan integriti selaras dengan membentuk pegawai dan kakitangan MBSP yang kukuh nilai moral serta ditunjangi budi pekerti luhur seperti termaktub dalam agenda Malaysia MADANI.
7. Program-program yang telah dan sedang dilaksanakan pada tahun ini, sempena Sambutan Bulan Integriti Peringkat MBSP termasuklah:

- i. Ikrar bebas rasuah;
  - ii. Wacana Ilmu: Membina Budaya Tatakelola dan Kepimpinan Berintegriti;
  - iii. Soal Selidik Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti-Suapan (ABMS ISO 37001:2016);
  - iv. Memperbaharui POLISI ANTIDADAH MBSP;
  - v. Ujian Saringan Air Kencing; dan
  - vi. *Virtual Kuiz Integriti 2024.*
8. MBSP mengambil serius pelaksanaan tempat kerja bebas dadah yang bertujuan untuk memastikan kawasan tempat kerja bebas daripada dadah. Penyalahgunaan dadah terutama sekali di tempat kerja boleh mangakibatkan kurang keupayaan untuk bekerja dan boleh membawa masalah kepada majikan serta menjaskan imej organisasi jabatan.
9. Maka, sempena Sambutan Bulan Integriti kali ini MBSP telah melaksanakan Ujian Saringan Air Kencing kepada 51 kakitangan. Pelaksanaan ini dijalankan dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi tujuan program Kesihatan dan mengesan penyalahgunaan dadah atau penagihan dadah di kalangan kakitangan lantikan baharu atau kakitangan lama berkhidmat selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 tahun 1989. Hasil keputusan ujian saringan air kencing yang telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2024 di MBSP adalah Negatif.

10. MBSP juga telah menganjurkan *Virtual Kuiz Integriti* pada 20 November 2024. Kuiz ini terbuka kepada semua warga MBSP dan seramai 98 warga kerja MBSP telah mengambil bahagian. Kuiz ini adalah salah satu usaha untuk mempromosikan nilai integriti, moral dan etika di kalangan warga MBSP serta meningkatkan penghayatan dan kepentingan budaya kerja berintegriti di MBSP. Seramai lapan (8) orang pemenang telah memenangi kuiz ini, yang akan menerima hadiah berupa sijil penghargaan dan wang tunai. Kuiz ini akan diteruskan sebagai salah satu agenda pengukuhan integriti di MBSP dalam usaha membudayakan integriti dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan kakitangan MBSP.
11. Di samping itu, MBSP juga telah menyediakan soalan soal selidik sebanyak **13** soalan kepada semua warga MBSP bagi menguji kefahaman dan keberkesanan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti-Suapan (ABMS ISO 37001:2016).
12. Sejajar dengan Ikrar Bebas Rasuah MBSP telah menjemput penceramah daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia iaitu Tuan PsK Roseli bin Roszaini, Penguasa SPRM bagi memberikan sedikit ceramah bertajuk "Membina Budaya Tatakelola dan Kepimpinan Berintegriti". Ceramah ini mampu memberi pendedahan dan kesedaran berkenaan integriti, etika dan akauntabiliti dalam agenda pemantapan integriti. Di samping itu juga, ceramah ini dapat menekankan berkenaan peranan dan tanggungjawab setiap

warga MBSP dalam memperkuuhkan amalan integriti dan tatakelola terbaik dengan menjadikan integriti sebagai satu medium budaya dalam persekitaran organisasi terbaik.

13. Saya amat berharap melalui program-program yang diadakan ini dapat menyediakan ruang untuk kakitangan memahami, menghayati dan menghindari diri daripada amalan rasuah yang bertentangan dengan aktiviti dan kelakuan sebagai penjawat awam.
14. Akhir kata, program sempena Sambutan Bulan Integriti Peringkat MBSP ini dapat menyebarkan mesej integriti dan kepentingan integriti dalam penyampaian perkhidmatan. Integriti merupakan elemen penting untuk kesejahteraan warga MBSP. Pegawai dan kakitangan MBSP yang berintegriti tinggi menjadi aset penting terhadap kejayaan MBSP. Hakisan nilai integriti dalam MBSP boleh mengakibatkan kepincangan pentadbiran dan salah laku dalam organisasi. Justeru itu, pengamalan dan pemahaman terhadap integriti dan etika amat perlu dilaksanakan.
15. Dengan lafaz suci, ***Bismillahirahmanirrahim***, saya merasmikan **Sambutan Bulan Integriti Dan Ikrar Bebas Rasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2024**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***